

# BULETIN



UTM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SEMPENA KONVENSYEN JOHOR BERKEMAJUAN & PELANCARAN KOLEKSI  
KHAZANAH INTELEKTUAL JOHOR • APRIL 2018

JOHOR BERKEMAJUAN  
*Mensejajhara Rakyat*



**Konvensyen Johor Berkemajuan  
Sahut Cabaran Gagasan  
Pembangunan Johor**

**Inisiatif Pembangunan Koleksi  
Khazanah Intelektual Johor  
Perpustakaan UTM**

# Konvensyen Johor Berkemajuan

## Menjayakan Dekad Baharu Johor

Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor mengadakan Konvensyen Johor Berkemajuan pada Isnin, 26 Mac 2018 bertempat di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru, Johor yang dirasmikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor.

Konvensyen Johor Berkemajuan merupakan medium perkongsian, percambahan fikiran dan perbincangan mengenai dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam mencapai Gagasan Johor Berkemajuan yang diaspirasikan oleh YAB Menteri Besar Johor.

Di majlis ini juga ceramah bertajuk "Soroton ke arah Johor Berkemajuan" akan disampaikan oleh YB Datuk Hj Md Jais bin Sarday, Pengurus Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Seterusnya diikuti dengan ceramah bertajuk "Inovasi Johor" yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Shahir Shamsir bin Omar, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan UTM.

Bersempena konvensyen ini, Sesi Lokakarya yang dikendalikan oleh YBhg Prof. Madya Dr. Kassim bin Thukiman juga diadakan dengan berfokus kepada 10 Aspirasi Gagasan Johor Berkemajuan bagi menyediakan platform perbincangan kepada semua pihak termasuk para ilmuan, pentadbir, pelaksana dasar, pihak swasta dan semua pihak berkaitan dalam memperkuuhkan dasar gagasan dan Dekad Baharu Johor.

Sesi disambung dengan pembentangan Resolusi Lokakarya oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM. Hasil dapatan Lokakarya ini nanti akan diterjemahkan ke dalam Resolusi Konvensyen Johor Berkemajuan yang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Majlis diakhiri dengan Sesi Perasmian Koleksi Khazanah Intelektual Johor Perpustakan UTM yang baharu sahaja dibangunkan. Pelancaran koleksi ini secara tidak langsung menyokong agenda dekad baharu Johor terutama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan di negeri Johor khususnya dan negara amnya.

Membangun  
Dekad  
Baharu  
untuk Johor



## Gagasan Johor Berkemajuan

*TEAM Johor menerusi penglibatan rakyat*

*Memanfaatkan inovasi sains dan teknologi*

*Menggiatkan ekonomi Johor*

*Pengukuran pencapaian dan prestasi yang berkesan*

**Konvensyen Johor Berkemajuan adalah platform untuk mengenangkan gagasan Johor Berkemajuan dalam menjayakan dekad baharu Johor demi memenuhi aspirasi pembangunan negara ke arah Johor terus maju dengan penglibatan semua lapisan masyarakat.**





# KOLEKSI KHAZANAH INTELEKTUAL JOHOR

## TARIKAN BAHARU PENGUNJUNG KE PERPUSTAKAAN UTM

### PENGENALAN

Perpustakaan memainkan peranan penting dalam memastikan bahan-bahan yang mempunyai nilai tradisi dan kearifan tempatan terpelihara. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan UTM mengambil inisiatif untuk menyokong dasar Kerajaan Negeri Johor bagi menjayakan pengumpulan pelbagai genre bahan ilmiah yang dinamakan

**KOLEKSI KHAZANAH INTELEKTUAL JOHOR.** Ia meliputi monograf, laporan penyelidikan, bab dalam buku (book chapters), jurnal, tesis, hasil artifak ilmiah, keratan akhbar dan majalah.

### OBJEKTIF

Pembangunan koleksi ini adalah bertujuan mengumpul bahan-bahan ilmiah yang berkaitan negeri Johor. Kesemua ini bertujuan untuk membolehkan para mahasiswa dan orang awam untuk membuat rujukan mengenai negeri Johor dalam pelbagai disiplin ilmu.


Dempsey (2001) menegaskan bahawa institusi seperti arkib, perpustakaan dan muzium adalah *memory institutions* kerana koleksinya mengandungi memori tentang manusia, masyarakat, institusi dan individu, warisan kebudayaan dan saintifik serta produk yang terhasil sepanjang zaman, melalui kreativiti dan pembelajaran.

### CABARAN PERPUSTAKAAN

Majlis pelancaran untuk mewar-warkan penubuhan Koleksi ini disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin pada 26 April 2018 bertempat di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia. Dengan pelancaran koleksi ini, maka secara rasminya Koleksi Khazanah Intelektual Johor telah dibuka untuk diakses oleh pelanggan Perpustakaan.

Pihak Perpustakaan akan meneruskan usaha memantapkan koleksi ini dan mempergiatkan pengumpulan bahan bagi mewujudkan satu koleksi lengkap, bermutu dan bertaraf dunia.

Akhirnya, diharapkan usaha Perpustakaan UTM ini dapat dijadikan penandaaras kepada pembangunan koleksi khas yang lainnya pada masa akan datang..



### JENIS-JENIS BAHAN

#### Koleksi Intelektual Johor

Koleksi buku, tesis, penulisan yang berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan negeri Johor dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan pelbagai perspektif serta Penerbitan dan laporan Badan Kerajaan dan Korporat Negeri Johor

#### Koleksi Menteri Besar Johor

Koleksi penulisan dan penerbitan mengenai Menteri Besar Johor

#### Koleksi Sejarah Johor

Koleksi sejarah lama Johor dalam bentuk buku dan manuskrip

#### Koleksi Alam & Seni Bina

Himpunan penerbitan berkenaan maklumat geografi, alam semulajadi Johor dan seni bina bangunan di negeri Johor.

**“Universiti adalah tempat yang terbaik untuk memperkuuhkan kefahaman tentang sejarah kerana di sinilah terkumpulnya komuniti cerdik pandai dan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara.”**

**YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, 2010**

# Imbasan Peristiwa Bersejarah Johor

Matlob  
Zam Ismail

يابايسن واريشن جوهور  
YAYASAN WARISAN JOHOR

51



YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin juga komited untuk menjayakan inisiatif menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa. Beliau berharap Johor akan menjadi pusat tumpuan dunia dalam kajian peradaban Melayu.

Berdasarkan latar belakang ini, inisiatif dan usaha murni Perpustakaan UTM menyokong dasar Kerajaan Negeri Johor dengan menjayakan pengumpulan pelbagai genre bahan ilmiah yang dikenali sebagai KOLEKSI KHAZANAH INTELEKTUAL JOHOR adalah langkah yang perlu disokong. Pembangunan koleksi ini menjadi pelengkap kepada sumber rujukan sedia ada seperti koleksi Raja Zarith Sofiah malah menambah nilai kepada koleksi Perpustakaan.

Masyarakat setempat adalah dialu-alukan untuk merujuk Koleksi Khazanah Intelektual Johor ini di Aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru.

## SIDANG PENGARANG:

### PENAUNG:

Puan Noraziah Sharuddin  
Puan Nor Asikin Mohamad

Khairul Bahiyah Yaakub, Salina Shamshuri, Nor Hafiza Daud Kaiyin, Nabilah Jamil

**GRAFIK:** Salina Shamshuri

**FOTO:** Wan Jamal Mohd Ariff

LAMAN SESAWANG: Syazwani Syamimi Mat Pauzi  
<http://library.utm.my/> Facebook: Perpustakaan UTM  
Hakcipta Terpelihara © Perpustakaan UTM

# MENELUSURI KHAZANAH INTELEKTUAL JOHOR

Kassim Thukiman  
m-kassim@utm.my

Sejarah Johor-Riau telah merakamkan tradisi berkerajaan yang hebat. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya Kerajaan Johor-Riau sebagai pusat Kerajaan Kelautan yang terkenal di seluruh dunia. Di samping itu, Kerajaan Johor-Riau melahirkan ramai tokoh yang menyumbang kepada persuratan Melayu. Antaranya Tun Seri Lanang, Bukhari al-Johori, Raja Ali Haji, Raja Hamidah dan ramai lagi. Penulisan mereka menggambarkan wujudnya sistem pemerintahan Kesultanan Johor-Riau yang mengagumkan.

Kegemilangan Johor dalam bidang persuratan dan intelektual semakin terserlah dalam zaman Johor moden. Muncul tokoh-tokoh intelektual yang tersohor dengan sumbangan penulisan mereka. Antaranya termasuklah Dato' Muhammad Said Sulaiman, Dato' Muhammad Munshi Ibrahim, Dato' Onn Jaafar, Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid, Profesor Ungku Omar, Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Profesor Syed Hussein Al-Attas, Profesor Syed Husin Ali, Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan, Datuk Dr. Usman Awang, Datuk Dr. Hassan Ahmad, Dato' Abdul Rahim Ramli dan ramai lagi. Dalam zaman moden, kepimpinan intelektual mendapat pengiktirafan dalam Kerajaan Johor. Di bawah kepimpinan YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Kerajaan Johor mengadakan kerjasama dengan pihak universiti awam dan swasta. Hasilnya tertubuhnya Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ). IISJ menerusi pasukan penyelidik universiti berperanan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memacu pertumbuhan ekonomi Johor sebagai kuasa ekonomi Selatan berdasarkan pengetahuan, inovasi dan kreativiti.

